

CADANGAN KAEDAH HAFAZAN TEMATIK DENGAN KURIKULUM PENDIDIKAN PINTAR BERBAKAT INTEGRASI NAQLI DAN 'AQLI KEPADA MURID PINTAR BERBAKAT DI KOLEJ GENIUS INSAN USIM

Mohd Zamrus Mohd Ali,ⁱ Muhammad Azan Tamar Jayaⁱⁱ, A'wani Aziz Nurdalila,ⁱⁱⁱ
Nurhidaya Mohamad Jan^{iv}, Awwab Abd Zaman@Bakri^v, Naemah Hanim Illani Mohd Said^{vi},
Irwan Mohd Subri^{vii}

ⁱ (Corresponding author). Dr. Pensyarah, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
zamrus@usim.edu.my

ⁱⁱ Dr. Pensyarah, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). azan@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Dr. Pensyarah, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
nurdalila.awani@usim.edu.my

^{iv} Dr. Pensyarah, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
nurhidaya.mj@usim.edu.my

^v Muallim, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). awwabbakri@usim.edu.my

^{vi} Muallimah, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
illanihanim@usim.edu.my

^{vii} Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Setiausaha, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM).
irwan@usim.edu.my

Abstrak

Untuk merealisasikan visi Kolej GENIUS Insan (KGI), USIM iaitu menjadi pusat pembudayaan pendidikan Ilmu Naqli Aqli supaya dapat melahirkan sarjana Muslim unggul berkaliber, KGI telah meletakkan sebaik-baik asas sokongan pembentukan disiplin iaitu dengan Pendidikan al-Quran. Artikel ini menjelaskan proses pelaksanaan kaedah hafazan tematik dengan Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Naqli Aqli yang baru diperkenalkan pada tahun 2021. Ia dinilai daripada sudut kelebihan kaedah Tematik berbanding kaedah konvensional dan dalam masa yang sama komponen Pendidikan Murid Pintar Berbakat tidak diabaikan. Artikel ini menggunakan kaedah kajian tindakan (action research) melalui beberapa pelan tindakan yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan merefleksi. Hasil kajian awal mendapati kaedah hafazan tematik yang sedang diterapkan boleh meningkatkan prestasi murid di KGI agar menguasai hafazan, penulisan, pemahaman serta penghayatan cara hidup seorang Muslim berbanding kaedah konvensional atau sedia ada. Sehubungan dengan itu, kesepaduan ilmu yang diadun antara elemen Naqli dan Aqli dalam kaedah hafazan tematik adalah selari dengan pembentukan personaliti yang sempurna dan saling berintegrasi daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kata kunci: *Hafazan Tematik, Integrasi Naqli Aqli, Murid Pintar Berbakat, Kolej GENIUS Insan*

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kitab suci yang mengandungi kalam Allah yang diturunkan-Nya sebagai panduan hidup kepada seluruh umat manusia. Pemeliharaan keaslian isi kandungan Al-Quran sejak zaman Nabi Muhammad SAW adalah melalui hafazan. Hafazan atau pendidikan tahfiz juga merupakan cabang utama dalam pendidikan Al-Quran. Sehingga hari ini, ia masih dibangunkan dan diperkembangkan untuk meningkatkan mutunya. Pelbagai teknik dan kaedah telah ditemukan melalui beberapa institusi Tahfiz Al-Quran untuk memudahkan proses menghafaz Al-Quran dengan sempurna (Mokmin, 2014). Selain kaedah tradisional, penggunaan teknologi juga digunakan untuk meningkatkan mutu hafazan tersebut (Marzuqi, 2008). Selain teknologi, faktor strategi, kaedah dan motivasi dalam pembelajaran turut memberi kesan (Hashim, 2017).

Pengulangan ayat Al-Quran dalam solat lima waktu dan zikir adalah antara kaedah untuk memastikan ayat-ayat yang dihafal terpelihara. Selain kaedah pengulangan terdapat juga kaedah membaca, kaedah penguasaan hukum tajwid, kaedah penggunaan satu mushaf khas, kaedah penulisan dan kaedah pemahaman (Fakhrudin et al., 2020). Kaedah pemahaman (*al-fahmu*) ayat-ayat adalah antara yang terbaik kerana ia meningkatkan kesan positif pada hafazan murid dan pada masa yang sama turut meningkatkan kualiti pengetahuan ilmu Al-Quran itu sendiri iaitu tadabbur Al-Quran (Mat Jafri et al., 2018). Ini bersandarkan kepada kajian Dan Entwistle (2003) iaitu ingatan murid akan lebih tinggi sekiranya murid bermotivasi dan faham dengan apa yang dihafal.

PELAKSANAAN INAQ DI KOLEJ GENIUS INSAN

Kolej GENIUS Insan (KGI) merupakan satu-satunya sekolah pintar berbakat yang mengangkat komponen hafazan sebagai salah satu tiang utama dalam kurikulumnya. Murid-murid pintar dan berbakat (P&B) ini didefinisikan sebagai murid-murid yang mempunyai tahap IQ melebihi 132 dan umur mental yang melebihi 2 tahun berbanding umur fizikal mereka.

Setiap murid mempunyai bilangan mata pelajaran (mp) sekurang-kurangnya 11 ditambah dengan subjek-subjek tambahan lain seperti pembangunan diri, bahasa antarabangsa, penyelidikan dan hafazan. Kekangan masa merupakan cabaran utama jika aspek kuantiti hafazan dijadikan sandaran. Oleh itu, melalui pengolahan kurikulum baru, Inaq Gifted Education (IGEd) yang digunapakai sekarang, kualiti hafazan merupakan sandaran utama. Aspek kualiti di sini merujuk kepada bukan sahaja hafazan yang tinggi mutunya, tetapi pemahaman murid-murid pintar dan berbakat ini dalam ilmu-ilmu yang terkandung dalam hafazan mereka dijadikan keutamaan. Ini penting kerana ia memanfaatkan sepenuhnya kemampuan kognitif

mereka yang tinggi. Pemeliharaan bukan sahaja berhenti pada pemahaman, tetapi pengaplikasian melalui pengintegrasian Al-Quran dalam mp mereka. Pengintegrasian ini dikenali sebagai INAQ atau integrasi Aqli dan Naqli. Oleh itu, keberkesanan di sini merujuk kepada mutu hafazan, kualiti pemahaman ayat-ayat Al-Quran dan kebolehan INAQ.

INAQ menekankan kebolehan murid-murid pintar dan berbakat dalam berinteraksi dengan ayat-ayat Al-Quran dan menghubungkan kaitkannya dengan ilmu-ilmu bersandarkan akal manusia seperti matematik, sains, sosial, psikologi serta alam sekeliling. Maka, hafazan semata tidak mencukupi, aspek kefahaman perlu diberikan penekanan melalui satu kaedah yang berkesan. Kaedah sebelum ini yang digunakan oleh para guru Al-Quran di KGI adalah kaedah konvensional yang menekankan bilangan juzuk yang perlu dihafal yang disusun mengikut susunan urutan asal ayat dalam Al-Quran iaitu dari satu ayat ke ayat berikutnya. Namun, penekanan aspek kuantiti ini telah menyebabkan kebanyakan murid kurang memahami fungsi dan maksud ayat, tema, menghurai serta mengintegrasikannya. Ia turut memberi kesan kepada mutu hafazan mereka kerana hanya bersandarkan kepada mengingat ayat semata.

Oleh itu, kajian ini bertujuan memperkenalkan hafazan Al-Quran yang disusun mengikut tema dan fungsi penceritaan ayat. Bersandarkan kepada teori dan kajian yang mengatakan bahawa kekuatan hafazan turut bersandarkan kepada pemahaman (Dan Entwistle, 2003), maka penyusunan ayat-ayat hafazan berdasarkan tema dan penceritaan dimana hubungkait secara logik dapat dilaksanakan, ia dijangka dapat mengatasi permasalahan dalam pemahaman ayat, pengintegrasian serta mutu hafazan. Kajian lebih mendalam secara kualitatif dan kuantitatif akan dilaksanakan dengan menjalankan penilaian yang sistematik ke atas beberapa kumpulan murid yang dikenal pasti. Kaedah tematik yang menekankan kualiti pemahaman dan memanfaatkan kekuatan kognitif ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan hafazan iaitu mutu hafazan, pemahaman dan juga kebolehan murid pintar dan berbakat di KGI ini dalam aspek INAQ.

KOMPONEN PENDIDIKAN AL-QURAN


Pendidikan Al-Quran di KGI merangkumi 5 aspek utama iaitu mengingat (Tahfiz), menulis (Tahriri), memahami (Tadabbur), menghurai (Tafsir Ilmi) dan memperelokkan (Tajwid). Komponen-komponen ini dirangkum agar dapat membentuk suatu kemahiran disiplin Al-Quran yang dipersiapkan kepada murid pintar dan berbakat KGI sebelum bergelar cendekiawan Muslim suatu hari kelak. Cendekiawan Muslim ini direka untuk memiliki personaliti Al-Abrar (Towering) melalui penguasaan 5 personaliti berikut; iaitu Rabbaniyyah (tunduk dan patuh kepada Allah), Akhlakiiyyah (peribadi mulia), Alamiyyah (pengantarabangsaan),

Insaniyyah (berperikemanusiaan) dan Siyasiyyah (kepimpinan). RAJAH 1 berikut ialah komponen Pendidikan Al-Quran di KGI.

HIPOTESIS

Di Kolej GENIUS Insan, muridnya adalah murid pintar berbakat dengan IQ 132 ke atas. Oleh itu, kaedah yang digunakan perlu seiring dengan kemampuan kognitif mereka agar perkembangannya selari. Semasa sesi tasmik dan permulaan hafazan, murid KGI akan memanfaatkan daya kognitif mereka secara optimal untuk menghafal Al-Quran, pelajari ilmu aqli di dalam kelas dan seterusnya mampu menginterasi atau menghubungkan kefahaman ayat Al-Quran dan ilmu aqli berbanding dengan kaedah konvensional yang hanya menumpukan hafazan semata-mata sewaktu sesi tasmik dijalankan.

Peruntukan tempoh masa yang panjang untuk menguasai, memahami kandungan ayat dan kesukaran mengingati fungsi penceritaan ayat merupakan cabaran bagi penghafaz Al-Quran. Hal ini dialami oleh murid pintar berbakat mahupun murid biasa. Dengan adanya kaedah tematik, tempoh masa untuk menguasai pemahaman bagi murid pintar dan berbakat dijangka akan diatasi dengan tema-tema ayat yang akan dibahagi-bahagikan oleh guru al-Quran.



Rajah 1: Komponen Pendidikan Al-Quran di KGI

Melalui pengumpulan ayat-ayat di bawah satu tema, hubungkait antara ayat-ayat daripada surah berlainan dapat dibina melalui pemikiran kritis dan ini membawa kepada tingkat pemahaman yang lebih tinggi. Kebolehhubungan antara ayat ini juga dijangka dapat menjimatkan masa kerana ayat-ayat yang berkaitan biasanya mempunyai perkataan-perkataan dan terma-terma yang hampir sama sebutannya. Berdasarkan sandaran ini, maka hafazan tematik dijangka dapat memberikan lebih nilai tambah kepada penghafaz selain meningkatkan mutu hafazan berbanding kaedah konvensional.

Hasil jangka panjang kaedah ini adalah untuk menjana cendekiawan Muslim yang mampu berinteraksi dengan Al-Quran dan mengintegrasikan STEM secara lebih sistematik, cepat dan mengikut KSSM hibrid iaitu 4 tahun sahaja menggunakan kurikulum khas di KGI iaitu Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Ilmu Naqli Aqli.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejak 2015 penggunaan kaedah hafazan belum pernah dimurnikan sebagaimana metod hafazan secara konvensional diperkenalkan dengan menetapkan hafazan murid KGI wajib menghafal 15 juzuk dengan pembahagian asas 1 menghafaz 3 juzuk (juzuk 30, 29, 28), asas 2 menghafaz 3 juzuk (juzuk 27, 26, 1,), asas 3 menghafaz 4 juzuk (juzuk 2, 3, 4, 5), tahap 1 menghafaz 3 juzuk (juzuk 6, 7, 8) tahap 2 menghafaz 2 juzuk (juzuk 9,10). Sistem ini menyebabkan murid hanya menghafaz tetapi sukar bagi mereka untuk mengintegrasikan kefahaman ayat hafazan berserta subjek lain yang terdiri daripada subjek STEM. Empat aspek utama menjadi landasan dalam pembangunan modul tersebut iaitu memenuhi hak-hak al-Quran terhadap manusia (Al-qiraat, al-hifz, al-fahm, al-'amal dan al-tabligh), pendekatan VARK (Visual, Aural, Read/write and Kinesthetic), mengambil kira pendekatan sistem pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar pintar berbakat yang dikenali dengan Differentiated Model of Giftedness and Talent (DMGT) dan penggunaan teknologi semasa (Ahmad Bazli bin Ahmad Hilmi, Zulkarnin Zakaria, Mahiz Spawi, 2017).

Pencapaian INAQ belum dilaksanakan oleh KGI untuk menilai keberkesanan metod lama (konvensional) kepada murid bagi menilai tahap pencapaian mereka memahami, mengaplikasi dan menganalisis ayat-ayat hafazan. Dengan kaedah tematik juga semua murid yang terlibat perlu dinilai untuk memastikan penggunaan kaedah tematik yang baru diperkenalkan ini sesuai dan membantu murid untuk mengintegrasikan antara ilmu naqli dan aqli dalam kehidupan mereka.

KONSEP HAFAZAN TEMATIK YANG DICADANG

Konsep hafazan yang diamalkan kebanyakan masyarakat sekarang adalah mengikut juzu'. Kaedah hafazan tematik pula merupakan satu kaedah hafazan yang baru diperkenalkan dengan bersandarkan kepada tema dan konsep yang telah dibangunkan dan dimajukan sejak sekian lama iaitu tafsir tematik. Tafsir tematik merupakan satu metod penafsiran al-Qur'an dengan cara menghimpunkan ayat-ayat al-Qur'an yang terkait dengan suatu tema tertentu (Sja'roni, 2014). Kebiasaan tafsiran tematik dipelajari oleh para ilmuwan Islam supaya perkaitan antara satu ayat dengan ayat yang sama tema membantu mereka memahami dengan lebih tepat kehendak ayat, kelompok sasaran ayat, *asbab al-Nuzul* dan hukum. Melalui tafsir tematik ini, banyak permasalahan dihadapi masyarakat dapat diselesaikan kerana sifatnya yang sistematik dan tersusun secara praktikal. Bersandarkan kepada konsep ini, hafazan tematik dirangka di mana kaedah hafazan yang mana penghafaznya menghafal ayat-ayat al-Quran mengikut tema.

Kaedah penyusunan tematik ini diambil daripada kaedah *al-mauḍū'ī li al-sūrah al-wāḥidah* seperti yang telah digagaskan oleh Sayyid Qutb, Mustafa Muslim dan ramai

lagi dalam kalangan ulama tafsir. Setiap surah mempunyai tema-tema yang utama dan juga sub-sub tema. Paradigma daripada kaedah tematik dalam surah tertentu adalah signifikan daripada proses penurunan wahyu yang dibawa oleh Jibril 'alaihissalām dari awal hingga selesai. Jibril memberi petunjuk kepada Nabi sallallahu 'alaihiwasallam atas penurunan segmentasi ayat untuk meletakkannya pada surah dan ayat tertentu dan begitulah susunannya yang dikehendaki Allah. Kaedah tematik tersebut diaplikasikan dalam ruang lingkup surah-surah yang tertentu sahaja maka terhasillah tema utama untuk surah dan sub-sub tema dari segmentasi ayat-ayat Al-Quran.

Jadual 1 berikut menunjukkan pembahagian hafazan Al-Quran mengikut tema yang telah disusun dan dibahagikan mengikut minggu. Sebagai contoh untuk tema puasa, maka para penghafaz akan menghafal semua ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan puasa dalam sepuluh (10) Juzu' terawal. Pembahagian mengikut Juzu' dilakukan untuk memudahkan penilaian terhadap penghafaz sama seperti konsep hafazan mengikut Juzu'. Kaedah ini dilakukan dengan tujuan, para penghafaz dapat mengamalkan setiap ayat yang dihafal dalam pengajaran dan pembelajaran, diskusi, dakwah, amalan harian dan situasi-situasi lain. Ini akan memperkuatkan lagi hafalan dan juga pemahaman mereka terhadap ayat yang dihafal kerana memang terdapat perkaitan yang sangat kuat antara IQ, ingatan dan penyelesaian masalah (Klemm, 2007).

Jadual 1. Pembahagian hafazan Al-Quran mengikut tema berdasarkan tahap dan minggu

Takwim Tematik Modul AL-Quran IGED Asas 1					
SEMESTER 1					
MINGGU	HARI PERSEKOLAHAN				
1	Al-Naba' 1-30 Hari Kebangkitan #6,7,14	Al-Naba' 31-37 Balasan terhadap orang yang bertakwa	Al-Naba' 38-40 Perintah agar manusia memilih jalan yang benar kepada Tuhannya	Al-Nāzi'āt 1-14 Penegasan hari kebangkitan kepada orang musyrik yang mengingkar inya	Al-Nāzi'āt 15-26 Kisah Nabi Musa 'Alaihissalam dan Firaun sebagai penghibur bagi Nabi Muhammad s.a.w
2	Al-Nāzi'āt	Al-Nāzi'āt	'Abasa	'Abasa	'Abasa

Takwim Tematik Modul AL-Quran IGED Asas 1					
SEMESTER 1					
MINGGU	HARI PERSEKOLAHAN				
	27-33 Membangkitkan manusia adalah mudah bagi Allah seperti menciptakan alam semesta #30,31,32,33	34-46 Hari kiamat itu manusia akan teringatkan perbuatannya di dunia	1-14 Penegasan hari kebangkitan kepada orang musyrik yang mengingkarinya	15-26 Kisah Nabi Musa 'Alaihissalam dan Firaun sebagai penghibur bagi Nabi Muhammad s.a.w #24	27-33 Membangkitkan manusia adalah mudah bagi Allah seperti menciptakan alam semesta
3	'Abasa 34-46 Hari kiamat itu manusia akan teringatkan perbuatannya di dunia	Al-Takwīr 1-14 Dikala terjadinya peristiwa besar pada hari kiamat akan diketahui apa yang telah dilakukan oleh tiap-tiap jiwa sewaktu didunia	Al-Takwīr 15-29 Muhammad bukan seorang gila, tetapi seorang Rasul, kepadanya diturunkan Al-Quran #15,16	Al-Infiṭār 1-9 Celaan terhadap manusia yang derhaka kepada Allah #6,7	Al-Infiṭār 10-19 Semua perbuatan manusia dicatat oleh malaikat dan akan mendapat balasan yang setimpal
4	Al-Muṭaffifin 1-6 Ancaman terhadap orang yang menipu dalam	Al-Muṭaffifin 7-17 Keadaan orang yang derhaka pada hari kiamat	Al-Muṭaffifin 18-28 Keadaan orang yang berbakti kepada	Al-Muṭaffifin 29-36 Ejekan terhadap orang mukmin di dunia dan	Al-Inshiqāq 1-9 Orang mukmin menerima catatan amalnya di sebelah kanan dan akan

Takwim Tematik Modul AL-Quran IGED Asas 1					
SEMESTER 1					
MINGGU	HARI PERSEKOLAHAN				
	menyukat dan menimbang		Allah pada hari kiamat	balasannya di akhirat	menerima pemeriksaan yang mudah
5	Al-Inshiqāq 10-15 Orang derhaka menerima catatan amalnya dari belakang dan akan dimasukkan ke dalam neraka	Al-Inshiqāq 16-25 Manusia mengalami proses kehidupan peringkat demi peringkat	Al-Buruj 1-22 Orang yang menentang Muhammad s.a.w akan mengalami kehancuran sebagaimana yang dialami oleh umat dahulu yang menentang Rasul mereka	Al-Ṭāriq 1-4 Tiap-tiap manusia itu ada yang menjaganya	Al-Ṭāriq 5-11 Allah yang maha kuasa menciptakan manusia, kuasa pula membangkitkannya
6	Al-Ṭāriq 12-17 Al-Quran pemisah antara yang hak dan yang batil	Al-A'la 1-19 Bertasbih dan mensucikan diri adalah pangkal keberuntungan	Al-Ghāshiah 1-16 Keadaan penghuni neraka dan penghuni syurga	Al-Ghāshiah 17-26 Anjuran untuk mengamati alam semesta	Al-Fajr 1-14 Mereka yang menentang Nabi Muhammad s.a.w pasti binasa seperti umat dahulu yang menentang Rasulnya
7	Al-Fajr 15-20 Kekayaan	Al-Fajr 21-26 Penyesalan	Al-Fajr 27-30 Penghargaa	Al-Balad 1-20 Hidup manusia	Al-Shams 1-15 Manusia diilhamkan

Takwim Tematik Modul AL-Quran IGED Asas 1					
SEMESTER 1					
MINGGU	HARI PERSEKOLAHAN				
	dan kemiskinan adalah ujian tuhan bagi hamba-hambanya	manusia yang tenggelam dalam kehidupan duniawi di hari kiamat	n Allah terhadap manusia yang sempurna	penuh dengan perjuangan	Allah jalan yang buruk dan yang baik
8	Al-Lail 1-21 Berbagai-bagai usaha manusia, yang terpenting ialah mencari keredaan Allah	Al-Duḥā 1-11 Beberapa nikmat yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam	Al-Sharḥ 1-8 Perintah Allah kepada Muhammad s.a.w agar terus berjuang dengan ikhlas dan tawakal	Al-Tīn 1-5 Manusia diciptakan dalam bentuk yang sebaik-baiknya	Al-Tīn 6-8 Yang menjadi asas utama kemuliaan manusia ialah iman dan amalnya
9	Al-'Alaq 1-5 Baca dan tulis adalah kunci ilmu pengetahuan	Al-'Alaq 6-19 Manusia menjadi jahat kerana merasa cukup	Al-Qadr 1-5 Kemuliaan lailatul qadar	Al-Bayyinah 1-8 Ahli kitab berpecah-belah menghadapi Muhammad s.a.w kerana ajaran yang dibawanya adalah benar	Al-Zalzalah 1-8 Di hari kebangkitan manusia melihat balasan perbuatannya biarpun sebesar zarah
10	Al-Ādiāt 1-11 Manusia	Al-Qāri'ah 1-11 Orang yang berat	Al-Takāthur 1-8 Ancaman	Al-'Asr 1-3 Amat rugilah	Al-Humazah 1-9 Amat celakalah

Takwim Tematik Modul AL-Quran IGEEd Asas 1					
SEMESTER 1					
MINGGU	HARI PERSEKOLAHAN				
	menjadi kikir kerana tamaknya kepada harta	dan ringan timbangan perbuatannya di hari kiamat	Allah terhadap orang yang lalai dan bermegah-megahan	manusia yang tidak memanfaatkan waktunya untuk berbakti	pengumpul harta yang tidak menafkahkanya di jalan Allah
11	Al-Fil 1-5 Azab Allah kepada tentera bergajah yang akan menghancurkan kaabah	Quraish 1-4 Kemakmuran dan ketenteraman seharusnya menjadikan orang berbakti	Al-Mā'ūn 1-7 Beberapa sifat yang dianggap sebagai mendustakan agama	Al-Kauthar 1-3 Solat dan berkorban tanda bersyukur kepada nikmat Allah	Al-Kāfirūn 1-6 Tidak ada toleransi dalam hal keimanan dan peribadatan
12	Al-Naşr 1-3 Pertolongan dan kemenangan datang dari Allah s.w.t	Al-Masad 1-5 Tukang fitnah pasti celaka	Al-Ikhlāş 1-4 Erti keesaan Allah s.w.t	Al-Falaq 1-5 Allah s.w.t Pelindung dari segala kejahatan	Al-Nās 1-6 Allah s.w.t pelindung manusia
13	MURAJAAH				
14					
SEMESTER 2					

METODOLOGI

Peserta

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dengan menggabungkan kaedah Kajian Tindakan dalam menggariskan kesan kaedah


Tematik untuk meningkatkan pencapaian pelajar berbakat dalam pendidikan Al-Quran. Kajian Tindakan bermaksud satu bentuk inkuri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif, dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi sosial bertujuan meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan kemasyarakatan serta situasi di mana amalan itu dilakukan (Kemmis & McTaggart, 1988). Teknik Pensampelan Bertujuan digunakan untuk memilih sampel untuk menjalankan kajian. Data dikumpulkan dari pelajar Kolej GENIUS Insan, USIM yang terlibat dalam kurikulum pembelajaran pintar dan berbakat. Untuk mengkaji kepentingan penting kaedah Tematik bagi meningkatkan pencapaian pelajar pintar berbakat dalam pendidikan Al-Quran, sampel data diambil dari 122 orang pelajar Asas 1 Kolej GENIUS Insan yang berusia 12 hingga 13 tahun.

Instrumentasi untuk pengumpulan data

Temu ramah awal, tengah dan akhir akan dilakukan kepada pelajar dan juga soal selidik dalam talian atau tinjauan akan diberikan kepada pelajar. Soalan dimensi dalam talian pada skala lima mata jenis *Likert* digunakan. Tinjauan dalam dimensi talian dengan soalan pilihan juga dikembangkan. Kemudian, skor ujian setiap dimensi disintesis dan diseragamkan untuk menilai prestasi pada skala jenis *Likert* iaitu lima mata (1 = Sangat rendah; 3 = Sederhana; 5 = Cemerlang).

Analisis data dan merefleksi

Data yang dikumpulkan akan diklasifikasikan, ditabulasikan dan dijadikan sasaran analisis statistik dengan menggunakan SPSS. Purata, SD (*Standard Deviation*) dan pekali korelasi juga akan dikira. Untuk menentukan taburan pelajar, analisis peratusan dan kekerapan dijalankan. Ujian ketekalan dalaman *Anova*, *Kruskal Wallis H* dan *Cronbach Alpha* dijalankan pada tahap signifikan $p < 0.05$ untuk perbandingan pelbagai kumpulan. Rajah 2 menunjukkan carta alir dalam kajian ini.




Rajah 2: Carta alir *Action Research* dalam meningkatkan keberkesanan Hafazan Tematik

KERANGKA TEORI

Berikut ialah laluan murid yang akan mengikuti Hafazan Tematik. Langkah pertama adalah Talaqqi, Murid akan talaqqi ayat hafazan mengikut tema-tema yang telah diberikan untuk memperbetulkan sebutan dan tajwid sebelum menghafal. Setelah ayat-ayat dihafal mengikut tema, murid akan menuliskannya di atas helaian kertas tahriri yang telah disediakan. Kemudian, murid akan tasmik hafazan mengikut tema yang telah ditetapkan dalam taqwim hafazan. Selepas ayat hafazan ditasmik, murid akan menceritakan kefahaman secara umum berkenaan tema ayat hafazan yang telah

dihafal (Tafhim). Setelah diperakukan oleh guru Al-Quran, murid akan meneruskan dengan sesi murāja'ah hafazan yang lama. Yang terakhir adalah Musabaqah, iaitu murid akan dinilai melalui kaedah tasmik dan ditebuk ayat hafazan berdasarkan tema. Penilaian adalah berdasarkan kepada kualiti hafazan, kualiti bacaan dan tajwid, kualiti kefahaman perkataan, kualiti kefahaman tema dan kualiti pengintegrasian Naqli dan Aqli. Rajah 3 menunjukkan carta alir proses Hafazan Tematik yang diaplikasikan kepada murid.



Rajah 31: Carta alir proses Hafazan Tematik

PENUTUP

Para penghafaz dijangka dapat meningkatkan prestasi hafazan berserta INAQ berbanding hanya menghafaz dengan menggunakan kaedah konvensional tanpa dapat menguasai ilmu Naqli dan ilmu Aqli. Selain itu, para penghafaz dapat mengamalkan setiap ayat yang dihafal dalam pengajaran dan pembelajaran akademik, diskusi, dakwah, amalan harian dan situasi-situasi lain. Ini akan memperkuatkan lagi hafazan dan juga pemahaman mereka terhadap ayat yang dihafal kerana terdapat perkaitan yang sangat kuat antara IQ, ingatan dan penyelesaian masalah. Kemuncak penyelidikan ini adalah untuk menjana cendekiawan Muslim yang mampu berinteraksi dengan al-Quran dan mengintegrasikan STEM secara lebih sistematik, cepat dan mengikut KSSM hibrid iaitu 4 tahun sahaja iaitu menggunakan kurikulum IGed.

RUJUKAN

- Abd Rahim, M. M. (2008). Pengajaran Mata Muridan Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. *Master Project Report, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.*
- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M.I., Muhammad, A. and Ismail, I. (2003). Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz. *Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.*

- Ahmad Bazli bin Ahmad Hilmi, Zulkarnin Zakaria, Mahiz Spawi (2017). Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untukpelajar Pintar Berbakat: Model Permata Insan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 1: no.1 (2017) page 194-207
- Entwistle, N., & Entwistle, D. (2003). Preparing for examinations: The interplay of memorising and understanding, and the development of knowledge objects. *Higher Education Research & Development*, 22(1), 19-41.
- Fakhrudin, F. M., Ishak, S. C., Suhid, A., Ayub, A. F. M., Hassan, N. C., Abd Mutalib, L., & Jaafar, W. M. W. (2020). Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia (Process And Method Of Tahfiz Learning Among Students In Malaysian Government Religious Secondary Schools). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340.
- Hashim, A. (2017). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(1).
- Jafri, M. T. M., Saad, M. F. M., & Mohamad, S. (2018). Keutamaan Amalan Tadabbur Al-Quran Terhadap Murid Tahfiz. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 3(2), 16-21.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2013) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah), Putrajaya
- Klemm, W. R. (2007). What Good Is Learning If You Don't Remember It?. *Journal of Effective Teaching*, 7(1), 61-73.
- Mustafa, N. M., & Basri, M. (2014). Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: Satu kajian awal. *Proceedings of the Social Sciences Research*, 827-834.
- Sja'roni, M. A. Studi Tafsir Tematik. *Jurnal Study Islam Panca Wahana I*, 10(12).